

22/05/1998

Dompok Ketua Menteri Sabah

KUALA LUMPUR, Khamis - Presiden Parti Demokratik Sabah (PDS), Tan Sri Bernard Dompok hari ini diumumkan sebagai Ketua Menteri Sabah yang baru, menggantikan Datuk Yong Teck Lee, berkuatkuasa 28 Mei ini.

Pelantikan Dompok, 49, yang juga Menteri Pelancongan dan Alam Sekitar Sabah, adalah mengikut sistem penggiliran Ketua Menteri di negeri itu, yang kini giliran masyarakat Bumiputera bukan Islam.

Pengumuman itu dibuat oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim selepas mempengerusikan mesyuarat mengenai pembiayaan semula kredit eksport di Kementerian Kewangan di sini.

"Saya telah diminta oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengumumkan nama Ketua Menteri Sabah yang baru bagi menggantikan Datuk Yong Teck Lee, iaitu Tan Sri Bernard Dompok.

"Beliau akan berunding secepat mungkin dengan Perdana Menteri sebelum mengangkat sumpah jawatan dan menyusun Kabinet negeri," katanya.

Pengumuman Anwar itu mengakhiri teka-teki di Sabah berikutan ada dua pemimpin Bumiputera bukan Islam yang dikatakan sama-sama mempunyai peluang dilantik ke jawatan itu.

Selain Dompok, turut disebut-sebut ialah Timbalan Ketua Menteri, Datuk Joseph Kurup yang juga Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRB). Penamaan seorang pemimpin Bumiputera bukan Islam itu menyempurnakan janji Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN kepada rakyat negeri itu pada 1994 untuk menggilirkan jawatan itu, masing-masing selama dua tahun antara tiga kaum utama di Sabah - Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam.

(END)